



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas **menafikan** dakwaan bahawa pergerakan antara daerah di negeri Sarawak tidak memerlukan kebenaran pihak polis seperti yang tular di media sosial. Beliau **menjelaskan** Sarawak masih menguatkuasakan larangan pergerakan antara daerah dan pihak polis akan terus mengadakan sekatan jalan raya di sempadan daerah.
2. Pihak Pengurusan Glenmarie Golf & Country Club (GGCC) Shah Alam, Selangor **menafikan** dakwaan bahawa kelab tersebut dikuarantin susulan terdapat kes positif COVID-19 dalam kalangan ahlinya. GGCC **menegaskan** tiada ahli kelab tersebut yang positif COVID-19 dan **menjelaskan** sejak kelab tersebut dibuka semula pada 6 Mei lalu pihaknya sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dengan mengamalkan penjarakan sosial dan membersihkan premis serta peralatan bagi menyediakan persekitaran yang selamat.

**Pasukan Respons Pantas  
KKMM  
11 Mei 2020 | 10.00 Pagi**

